



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : NOVEMBER / 13 / 2024

M/S : 5

8,719 projek berjaya dicapai dalam RMK12

PUTRAJAYA: Prestasi Projek Pembangunan Rolling Plan (RP) 4 Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) sehingga merekodkan pencapaian sebanyak 65.82 peratus atau RM59.24 bilion.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar berkata, pencapaian itu dicatatkan setakat 4 November lalu daripada RM90 bilion yang diperuntukan.

Ia membabitkan 8,719 program serta projek yang berjaya dicapai dan dibangunkan setakat ini.

"Dalam hal ini, semua kementerian hendaklah berusaha keras memastikan peruntukan pembangunan dapat dibelanjakan secara optimum serta melonjakkan prestasi perbelanjaan melebihi 95 peratus untuk RP4.

"Bagi mencapai aspirasi RMK12 yang berbaki satu tahun sahaja lagi, saya ingin mengingatkan semua Ketua Setiausaha Kementerian untuk melaksana pendekatan tegas dan mesti bersifat reformatif terhadap pelaksanaan program atau projek pembangunan," katanya ketika berucap pada Anugerah Pembangunan Negara Tahun 2024 di sini, semalam.

Shamsul Azri berkata, RM88 bilion daripada RM423 bilion diperuntukkan di bawah Perbelanjaan Pembangunan yang akan menjadi penggerak kepada pertumbuhan ekonomi.

Dalam hal ini, katanya, Belanjawan Madani 2025 adalah belanjawan terakhir dalam pelaksanaan RMK12 bagi menterjemah agenda pembangunan negara di samping jadi asas kepada permulaan penyediaan RMK13.

"Justeru, menjadi tanggungjawab kementerian, jabatan dan agensi memastikan segala program dan aktiviti yang dirancang diselaras dan diimplementasi sebaiknya supaya semua iltizam dan perancangan Kerajaan melalui Belanjawan Madani 2025 dapat dicapai," katanya.